

# Pelaburan dalam Saham Amanah



**K**ITA sering dihipnisi oleh mereka yang menjadi ejen syarikat saham amanah dengan memberikan tawaran skim yang menarik yang dianjurkan oleh syarikat mereka. Kita juga selalu mendengar Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM) yang dianjurkan oleh Kumpulan Permodalan Nasional Berhad (PNB) yang menjadi acara tahunan untuk memperkenankan industri saham amanah dalam kalangan pelabur, terutamanya pelabur bumiputera.

Ternyata pelaburan dalam saham amanah merupakan suatu kebiasaan dalam kalangan pelabur rakyat Malaysia. Namun begitu, peratusan pelaburan dalam saham amanah berbanding dengan pelaburan yang lain di negara ini secara relatifnya kecil, iaitu antara lapan peratus hingga 10 peratus, sedangkan di negara maju mencapai peratusan 30 peratus hingga 35 peratus. Hal ini bermakna potensi untuk perkembangan industri ini di Malaysia masih banyak.

Sejarah saham amanah di Malaysia bermula sekitar tahun 1960 dengan pelancaran skim Asia

Unit Trust. Hal ini diikuti oleh Amanah Saham Mara yang menawarkan skim untuk pelabur bumiputera. Pada tahun 1980, kerajaan melalui PNB melancarkan skim Amanah Saham Nasional (ASN) secara besar-besaran bagi menggalakkan pelabur bumiputera untuk menyertai skim pelaburan itu. Antara tujuan utamanya termasuklah untuk mengagihkan kekayaan negara, seperti yang termaktub dalam Dasar Ekonomi Baru. Di bawah ASN beberapa skim yang dilancarkan bagi memenuhi keperluan tertentu pelabur dan kini ratusan bilion unit saham amanah sudah dikeluarkan dengan jumlah dividen yang diagihkan setiap tahun mencecah berbilion ringgit.

Pada dekad 1980-an dan dekad 1990-an, muncul pula skim saham amanah yang dilancarkan oleh bank perdagangan dengan memberikan pinjaman untuk pelabur menyertainya. Keadaan ini tambah merancakkan industri saham amanah di negara ini. Pada dekad 1990-an, muncul pula fenomena baharu, yakni kerajaan negeri pula berlumba-lumba untuk melancarkan skim amanah mereka sendiri. Sebaliknya kecenderungan itu adalah untuk tujuan politik dan ekoran krisis kewangan turut merudum. Berkaitan rapat dengan konsep ini ialah pelaburan dalam harta tanah atau yang dikenali sebagai REIT (*Real Estate Investment Trust*). Berbanding dengan saham amanah, iaitu pelaburan dalam saham ekuiti, bon, dan sekuriti berpendapatan tetap, pelaburan REIT adalah dalam harta tanah.

Secara mudah konsep pelaburan saham amanah ialah pelaburan berkelompok. Penaja melancarkan satu tabung dengan pelabur akan membeli unit sahamnya dan dana yang dikumpulkan digunakan untuk membeli saham ekuiti atau pelaburan yang dibenarkan. Pelabur mendapat keuntungan sebagai dividen setiap tahun bergantung pada jumlah keuntungan yang diperoleh oleh tabung tersebut. Di samping itu, pelabur mendapat peningkatan modal, iaitu kenaikan harga unit

saham amanah tersebut jika terdapat sebut harga harian skim itu mengikut pergerakan harga saham yang dilaburkan. Terdapat beberapa skim yang menetapkan harganya pada RM1.00 dan tidak terdapat kenaikan modal, seperti skim Amanah Saham Bumiputera (ASB) dan Amanah Saham Sarawak (ASS). Oleh sebab pelaburan dalam saham amanah ini dipelbagaikan, iaitu tidak hanya tertumpu pada saham tertentu dan disebarkan di pelbagai industri, maka turun naik yang mendadak dalam harga unit dapat dielakkan. Perkara ini merupakan ciri pelaburan menarik yang dapat menggalakkan pelabur untuk menyertainya. Selai itu, skim ini diselenggarakan oleh Pemegang Amanah (*Public Trustee*) yang akan memantau perjalanan skim itu mengikut Surat Iktan Amanah (*Trust Deeds*) ketika skim itu dilancarkan. Antara Pemegang Amanah yang terkenal ialah Amanah Raya Berhad. Terdapat juga bank yang bertindak sebagai pemegang amanah. Di samping itu, skim ini juga tertakluk dan dipantau oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan pengurus dana dikawal rapi untuk memastikan tidak terdapat sebarang penyelewengan. Oleh itu, dapat dianggap pelaburan dalam saham amanah merupakan pelaburan yang selamat.

Dengan pelbagai skim saham amanah yang ditawarkan, bagaimanakah pelabur dapat memilih untuk menyertainya? Setiap skim mempunyai ciri yang unik dan pelabur harus memilih skim yang sesuai untuk keperluan tertentu mereka. Jika pelabur mahu pendapatan dividen yang tinggi dan konsisten, mereka harus memilih skim yang menawarkan ciri tersebut. Jika pelabur mahu kenaikan modal setiap tahun, maka carilah skim saham amanah yang menawarkan ciri itu. Maklumat yang berkaitan mudah diperoleh daripada akhbar mingguan perniagaan. Malah setiap tahun terdapat anugerah tahunan bagi skim saham amanah yang terbaik mengikut kategori tertentu. Mungkin hal ini merupakan permulaan bagi kita untuk menilai prestasi skim saham amanah yang ingin kita sertai.

Harus diingat, terdapat beberapa skim yang memenuhi keperluan tertentu pelabur. Misalnya Amanah Saham Didik yang dikendalikan oleh PNB bertujuan untuk pendidikan masa depan anak pelabur. Pelaburan ini adalah untuk jangka masa panjang dan secara konsisten serta berdikit-dikit untuk mengisi tabung pembiayaan pendidikan tinggi anak kita nanti.



Pelaburan dalam saham amanah adalah untuk jangka masa panjang. Oleh itu, usahlah kita mengharap keuntungan yang berlipat ganda dalam tempoh yang singkat. Jangan mudah terpedaya dengan skim yang menjanjikan harga unit yang akan naik sekian banyak dalam tempoh yang singkat kerana perkara itu adalah mustahil. Seboleh-bolehnya gunakanlah wang sendiri untuk melabur secara konsisten. Apabila kita menerapkan disiplin, kita akan meraih keuntungan jangka masa panjang.

Banyak pelabur tergoda dengan skim yang menawarkan pinjaman bagi menyertai skim amanah saham. Yang perlu diperhatikan, jika dividen daripada skim tersebut dapat menampung pembayaran faedah pinjaman dan sebahagian ansuran pinjaman, maka bolehlah dipertimbangkan. Prinsip pelaburan yang utama adalah untuk menggunakan lebihan wang sendiri dan hal ini juga terpakai bagi pelaburan dalam saham amanah.

Pelaburan dalam saham amanah ialah alternatif pelaburan yang menarik dan jika kita mengamalkan disiplin dalam pelaburan, kita akan dapat meraih pulangan jangka masa panjang. Oleh sebab ada beberapa skim yang ditawarkan, kita harus membuat kajian yang teliti yang bersesuaian dengan matlamat pelaburan kita. Maklumat yang diperluaskan mudah didapati dan semuanya bergantung pada kita untuk menelitinya supaya memastikan pelaburan kita tidak kecondang. **de**

Rahim Aziz  
Ketua Pegawai  
Eksekutif  
ELD Global.